



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 7 OKTOBER 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PESAWAH BERPUTIH MATA, NEGERI, SINAR HARIAN, M/S – 20	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
2.	624 HEKTAR SAWAH TENGGELAM AKIBAT BANJIR, RUGI RM4.6 JUTA, NEGARA, KOSMO, M/S – 14	
3.	624 HEKTAR PADI WILAYAH III MADA TENGGELAM BANJIR, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	
4.	BANJIR MUSNAH 624 HEKTAR SAWAH DI KEDAH, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 19	
5.	AGROBANK: CONTINUE SUPPORT FOR BUSINESS FINANCING GUARANTEE SCHEME, BIZ & FINANCE, THE SUN, M/S – 15	AGROBANK
6.	MIKRO AGROBANK SOOK MANFAAT 31,000 PENDUDUK, BISNES, HARIAN METRO, M/S – 23	
7.	BANTU TANGANI KOS MAKANAN TERNAKAN, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 16	LAIN-LAIN
8.	SEJATI MADANI BANTU PENDUDUK JANA PENDAPATAN, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 8	
9.	STRENGTHENING AGRICULTURAL TIES, NATION, THE STAR, M/S – 2	
10.	MALAYSIA PERTIMBANG IMPORT DAGING HALAL DARI PAKISTAN, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 11	
11.	MALAYSIA, PAKISTAN TUMPU KESTABILAN, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 2	
12.	MAKANAN SEGAR HIDUP SEJAHTERA, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 11	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/10/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	20

624 hektar sawah tunggu masa dituai ditenggelami banjir

Oleh WAN MOHD NOOR
HAFIZ WAN MANSOR
ALOR SETAR

Impian pesawah untuk menuai hasil tanaman padi tidak kesampaian apabila kira-kira 624 hektar sawah di Wilayah III Pendang, dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), ditenggelami banjir sejak Jumaat lalu.

Kejadian itu bukan sahaja menyebabkan kerugian dianggarkan RM4.6 juta, malah menjejaskan sumber pendapatan utama pesawah yang rata-ratanya sudah bersedia untuk menuai hasil tanaman mereka.

Pengerusi MADA, Datuk Dr Ismail Salleh berkata, kawasan berkenaan hampir setiap tahun dilanda banjir ekoran limpahan air dari Sungai Padang Kerbau yang menerima aliran hujan dari Kubur Panjang, Nawa dan Sungai Langgar sebelum mengalir ke Sungai Kedah.

"Sebahagian besar tanaman padi rosak sepenuhnya kerana tenggelam, manakala ada kawasan lain yang ditenggelami sehingga separuh ketinggian pokok.

"Takungan air lambat surut disebabkan struktur Sungai Pendang yang landai," katanya ketika meninjau sawah di Unit Permatang Limau, PPK Titi Haji Idris di sini pada Isnin.

Menurutnya, dua projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Sungai Anak Bukit dan Sungai Pendang yang masih belum siap turut menjadi faktor utama banjir berulang di kawasan berkenaan.

Pesawah berputih mata



Baharom menunjukkan padi yang rosak akibat ditenggelami banjir sejak Jumaat lalu.

"Kita percaya apabila dua projek RTB ini siap kelak, ia mampu mengalirkan sehingga 80 peratus air hujan dari kawasan hulu.

"Buat masa ini, kita akan lakukan kerja-kerja pendalaman Sungai Pendang untuk menampung lebih 20 peratus aliran hujan," jelasnya.

Tambah beliau, purata hujan tahunan di Kedah ialah sekitar 2,000 hingga 2,100 milimeter (mm), dan sehingga Oktober ini, sebanyak 1,400mm telah direkodkan.

Ismail berkata, baki hujan yang dijangka melanda sehingga hujung tahun ini boleh mencecah 700mm.

"Jika hujan seimbang setiap bulan, kita tidak berdepan masalah. Tapi jika hujan lebat berlaku dalam tempoh singkat, risiko banjir akan meningkat seperti yang berlaku tahun lalu," katanya.

MADA turut memberikan jaminan untuk membantu proses

pembayaran pampasan kepada pesawah yang terjejas bagi meringankan beban mereka yang kini berputih mata akibat kehilangan hasil tuaian.

Dalam pada itu, lebih 200 mangsa turut dipindahkan ke dua pusat pemindahan sementara (PPS) yang diaktifkan di Pokok Sena dan Kota Setar akibat banjir yang melanda dua daerah berkenaan.

Sementara itu, seorang pesawah Baharom Yaakob, 84, dari Kampung Lubuk Keriang memohon agar kerajaan membantu golongan tersebut yang mengalami kerugian akibat bencana berkenaan.

Menurutnya, tiada apa yang dapat diselamatkan berdasarkan keadaan tanaman padinya yang masih ditenggelami banjir.

Keadaan sama turut disuarakan oleh seorang lagi pesawah iaitu Zulkifli Ismail, 60, dari Tualang yang mengakui mengalami kerugian lebih RM10,000 akibat bencana berkenaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/10/2025	KOSMO	NEGARA	14

624 hektar sawah tenggelam akibat banjir, rugi RM4.6 juta

ALOR SETAR – Kira-kira 624 hektar sawah di Wilayah III Pendang dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) ditenggelami banjir dengan kerugian dianggarkan mencecah RM4.6 juta.

Nilai kerugian itu dianggarkan berdasarkan purata hasil lima tan padi bagi setiap hektar sawah yang kebanyakannya sudah sedia untuk dituai.

Menurut Pengerusi MADA, Datuk Dr. Ismail Salleh, kawasan berkenaan sering dilanda banjir hampir setiap tahun berikutan Sungai Padang Kerbau yang menerima bebanan hujan dari Kubur Panjang, Nawa dan Sungai Langgar sebelum bertembung untuk mengalir ke Sungai Kedah.

Katanya, rata-rata petani mengalami kerugian besar memandangkan banyak padi yang rosak akibat tenggelam sepenuhnya dan sebahagiannya tenggelam sehingga separuh ketinggian pokok padi.

“Takungan air mengambil masa untuk surut disebabkan struktur Sungai Pendang yang landai, maka perlu tunggu sehingga aliran air Sungai Anak Bukit ke laut barulah air di sini boleh dialirkan,” katanya ketika meninjau keadaan sawah di Unit Permatang Limau, PPK Titi Haji Idris di sini semalam.

Katanya, masalah tersebut akan dapat diatasi dengan dua projek Rancangan Tebatan Ban-



ISMAIL meninjau keadaan sawah di bawah kawasan MADA di Alor Setar yang tenggelam akibat banjir semalam.

“

Takungan air mengambil masa untuk surut disebabkan struktur Sungai Pendang yang landai, maka perlu tunggu sehingga aliran air Sungai Anak Bukit ke laut barulah air di sini boleh dialirkan.”

jir (RTB) di Sungai Anak Bukit dan Sungai Pendang yang kini dalam proses pembinaan.

“Projek berkenaan apabila siap kelak mampu mengalirkan sehingga 80 peratus aliran air hujan dari kawasan hulu apabila siap kelak,” katanya.

Menurut beliau, pihaknya juga akan melaksanakan kerja-kerja untuk mendalirkan Sungai Pendang bagi menampung lebih 20 peratus aliran air hujan dari kawasan hulu selepas kedua-dua projek RTB itu siap kelak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/10/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

624 hektar padi Wilayah III MADA tenggelam banjir

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

ALOR SETAR: Kira-kira 624 hektar tanaman padi di Wilayah III Pendang dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di sini tenggelam akibat banjir.

Kejadian itu menyebabkan kerugian kira-kira RM4.6 juta berdasarkan kepada purata kiraan hasil lima tan padi bagi setiap hektar sawah yang rata-rata kawasan terlibat kini sudah boleh dituai.

Pengerusi MADA, Datuk Dr. Ismail Salleh berkata, kawasan itu hampir setiap tahun dilanda banjir disebabkan Sungai Padang Kerbau yang menerima bebanan hujan dari Kubur Panjang, Nawa dan Sungai Langgar yang bertembung untuk mengalir ke Sungai Kedah.

Katanya, rata-rata petani mengalami kerugian besar disebabkan tanaman padi mereka rosak akibat tenggelam sepenuhnya manakala sebahagian kawasan lain ditenggelami sehingga separuh ketinggian pokok padi.

“Takungan air mengambil masa untuk surut disebabkan struktur Sungai Pendang yang landai maka perlu tunggu sehingga aliran air Sungai Anak Bukit ke laut barulah air di sini boleh dialirkan.



ISMAIL Salleh menunjukkan kawasan tanaman padi di bawah kawasan MADA yang tenggelam akibat banjir di Kampung Permatang Limau, Alor Setar, Kedah semalam.

“Faktor lain adalah kerana dua projek rancangan tebatan banjir (RTB) yang belum siap di Sungai Anak Bukit dan Sungai Pendang yang mana kita percaya mampu dialirkan sehingga 80 peratus aliran hujan dari kawasan hulu kelak,” katanya ketika meninjau sawah di Unit Permatang Limau PPK Titi Haji Idris, semalam.

Dua daerah di Kedah dilanda banjir sejak Jumaat lalu yang

merekodkan lebih 200 mangsa berpindah ke dua pusat pemindahan sementara yang diaktifkan di Pokok Sena dan Kota Setar.

Tambah Ismail, pihaknya juga akan melakukan kerja-kerja pendalaman Sungai Pendang bagi menampung lebihan 20 peratus aliran hujan dari kawasan hulu setelah kedua-dua RTB itu siap kelak.

“Purata hujan setahun di Kedah lebih kurang 2,000 hingga

2,100 milimeter (mm) dan sehingga Oktober ini kita telah terima hujan pada tahap 1,400 mm. Masih ada baki sehingga 700 mm hujan sehingga hujung tahun ini.

“Kalau purata setiap bulan hujan seimbang kita tidak akan berdepan masalah tapi kalau hujan dalam masa singkat dengan jumlah yang besar maka kita akan hadapi banjir lebih teruk lagi seperti tahun lalu,” katanya.



Dr Ismail meninjau kawasan sawah yang ditenggelami banjir di Titi Haji Idris, Alor Setar, semalam. (Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

Banjir musnah 624 hektar sawah di Kedah

Nilai kerugian
dianggarkan
cecah
RM4.6 juta

Oleh Noorazura Abdul
Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Banjir melanda beberapa daerah di Kedah menyebabkan kira-kira 624 hektar sawah padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) musnah dengan nilai kerugian dianggarkan mencecah RM4.6 juta.

Kawasan paling terjejas adalah sempadan daerah Pokok Sena, Pendang dan Kota Setar di Zon III MADA, membabitkan tanaman sepatutnya sudah boleh dituai.

Pengerusi MADA, Datuk Dr Ismail Salleh, berkata kejadian banjir berlaku pada penghujung musim pertama tahun ini ketika sebahagian besar kawasan sudah selesai menuai.

Katanya, secara keseluruhan kerja menuai di seluruh kawasan MADA sudah mencapai hampir 90 peratus.

"Namun di Zon III, hanya 32 peratus sempat dituai kerana penanaman bermula lewat berikutan isu saliran dan pengairan di kawasan Pendang. Se-

luas 624 hektar sawah kini terjejas, sebahagiannya tenggelam sepenuhnya manakala selebihnya mengalami kerosakan separa.

"Padi musnah ini sudah matang dan sedia untuk dituai, namun hujan lebat berterusan menyebabkan sawah tidak dapat diselamatkan," katanya ditemui selepas melakukan tinjauan di Zon III di Titi Haji Idris di sini, semalam.

Punca utama banjir

Dr Ismail berkata, aliran sungai perlahan dikenali pasti menjadi punca utama kejadian banjir di kawasan berkenaan.

"Sungai Pendang membawa aliran air dari hulu sebelum bercantum dengan Sungai Kedah dan mengalir ke laut. Disebabkan kawasan ini mempunyai kecerunan rendah, air lambat surut kerana perlu menunggu 'giliran' Sungai Anak Bukit selesai mengalir ke Sungai Kedah. Keadaan ini menyebabkan air bertakung lebih lama," katanya.

Dua projek tebatan banjir di sepanjang Sungai Pendang dan Sungai Anak Bukit masih belum siap juga antara faktor menyumbang kepada masalah itu.

"Selepas projek ini siap sepenuhnya, ia akan membantu mempercepatkan aliran air keluar dan mengurangkan risiko banjir di kawasan MADA," katanya.

Kedah secara purata me-

nerima hujan tahunan antara 2,000 hingga 2,100 milimeter dan sehingga kini sebanyak 1,400 milimeter sudah direkodkan.

"Masih berbaki antara 600 hingga 700 milimeter untuk beberapa bulan terakhir tahun ini.

"Jika hujan turun secara sekata, tiada masalah, tetapi jika berlaku dalam tempoh singkat, kita mungkin berdepan satu lagi banjir besar," katanya.

Ditanya mengenai kebimbangan pesawah yang menanggung kerugian, beliau berkata MADA menunggu arahan Jabatan Pertanian bagi melaksanakan penilaian kerosakan sebelum sebarang tuntutan pampasan atau insurans dapat dilakukan.

"Banci hanya boleh dibuat selepas bencana diisytiharkan secara rasmi. Namun apabila pesawah sudah kehilangan hasil keseluruhan, mereka semangnya terdesak untuk dibantu," katanya.

Ketua Unit MADA D-3 Titi Haji Idris, Baharom Hanafi, 62, menggesa Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) serta agensi berkaitan mempercepatkan bantuan kepada pesawah yang terjejas.

Katanya, di bawah unit beliau sahaja terdapat kira-kira 50 hektar sawah yang musnah, termasuk tiga hektar miliknya sendiri.

Agrobank: Continue support for Business Financing Guarantee Scheme

PWTALING JAYA Bank Pertanian Malaysia Bhd (Agrobank) is hoping that the Business Financing Guarantee Scheme (SJPP) will continue to be enhanced under Budget 2026, given its positive impact on the economy, particularly in empowering micro, small and medium enterprises in the agri-food sector.



CEO Datuk Tengku Ahmad Badli said sectors such as production, livestock, fisheries and agro-based manufacturing, as well as food security, have strong potential for further development.

"We have several segments that

we will be highlighting (for Budget 2026), especially with regard to young entrepreneurs who do not have much experience in business management.

"Agrobank is ready to help train them so that they will be able to advance and expand their business, eventually transitioning to larger-scale businesses. Our targets

women, the B40 income group and graduates," he said in an interview with Bernama recently.

Under Budget 2025, the government continued the implementation of the SJPP with guarantees of up to RM20 billion to strengthen financing access for entrepreneurs

facing collateral constraints.

"The agriculture sector is considered among the high-risk sectors as its activities are influenced by many external factors such as unpredictable weather, geo-economic and geopolitical conditions.

"With the SJPP, banks and financiers are more confident to extend financing

to those involved in this sector, particularly micro and small clients who lack collateral," he said.

He noted that various financial institutions have been participating in the scheme, including Agrobank, which has so far channelled RM5.3 billion in financing to entrepreneurs in the agriculture and food security ratio.

sectors under SJPP.

In the previous years, Agrobank had only disbursed between RM1 billion and RM2 billion to entrepreneurs, he said, emphasising that this exponential rise in financing reflected growing interest among Malaysians to venture into business.

Tengku Ahmad Badli Shah said nearly 12,000 clients – comprising more than 8,000 micro and small entrepreneurs, with the remainder from the medium-sized enterprise segment – have benefited from SJPP financing through the bank.

He added that the SJPP also recorded a healthy repayment rate with a low non-performing loan ratio.

SJPP, which provides guarantees of up to 80% of the total financing amount, has proven highly beneficial, particularly for SMEs, by supporting investment expansion in strategic sectors, digitalisation and job creation.

"We evaluate each financing application based on the entrepreneurs' sales and profit records. However, many small and micro traders do not maintain proper records of their finances because they rely on cash transactions instead of banking systems.

"Under SJPP, Agrobank would provide training to clients and entrepreneurs to adopt proper accounting and management systems, enabling them to better understand and manage their company's financial affairs," he said.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/10/2025	HARIAN METRO	BISNES	23



MAJLIS perasmian cawangan baharu Mikro Agrobank di Sook disempurnakan oleh Arthur Joseph Kurup (dua dari kanan), disaksikan oleh Tengku Ahmad Badli (dua dari kiri).

Mikro Agrobank Sook manfaat 31,000 penduduk

Kuala Lumpur: Pembukaan cawangan baharu Mikro Agrobank di Sook, Keningau, terletak lebih 300 kilometer dari Kota Kinabalu, akan memberi manfaat kepada kira-kira 31,000 penduduk di kawasan itu yang majoritinya menjalankan aktiviti pertanian.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Arthur Joseph Kurup berkata, inisiatif berkenaan merupakan langkah strategik bagi memperkukuh ekosistem perbankan di kawasan pedalaman serta memperkasakan masyara-

kat luar bandar.

"Jarak antara penempatan penduduk di Sook dan kawasan sekitarnya dengan kemudahan perbankan terdekat boleh mengambil masa sehingga satu jam perjalanan. Ini menyukarkan mereka untuk mendapatkan perkhidmatan kewangan harian.

"Oleh itu, dengan adanya cawangan Agrobank di Sook, perkhidmatan kewangan menjadi lebih dekat dan mudah diakses, sekaligus menyokong pertumbuhan ekonomi komuniti luar bandar," katanya dalam kenyataan baru-baru ini.

Arthur, yang juga Ahli Parlimen Pensiangan berkata pembukaan cawangan itu membuktikan komitmen kerajaan untuk memastikan penduduk luar bandar turut menikmati kemudahan kewangan moden yang relevan dengan keperluan mereka.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata pembukaan cawangan Mikro Agrobank Sook sejajar dengan misi bank itu memastikan tiada komuniti yang tercicir daripada arus keterangu-

man kewangan.

"Melalui pembukaan cawangan ini, kami komited untuk memastikan tiada siapa yang tercicir dari segi keterangkuman kewangan.

"Ini turut mencerminkan mandat kami dalam memperkasakan golongan yang belum dan kurang mendapat perkhidmatan bank melalui pelbagai penyelesaian kewangan yang sesuai dan inklusif," katanya dalam kenyataan sama.

Beliau berkata cawangan Sook merupakan rangkaian ke-219 Agrobank yang menawarkan pelbagai perkhidmatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/10/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	16

Bantu tangani kos makanan ternakan

Penternak minta subsidi, naik taraf infrastruktur

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA TERENGGANU

Golongan penternak di Terengganu berharap Belanjawan 2026 memberi tumpuan terhadap peningkatan kos makanan ternakan, keperluan infrastruktur dan isu kelulusan merancang yang dilihat semakin membebankan pengusaha kecil dan sederhana.

Kerajaan juga diharapkan dapat memperkenalkan subsidi bersasar, skim geran padanan serta bantuan teknologi bagi memperkukuh daya saing industri ternakan ayam, kambing dan lembu yang menjadi antara penyumbang utama sekuriti makanan negara.

Pengurus Ladang Ayam Ajil, Mohd Zul Fahmi Long, 35, berkata, kos pengeluaran bagi penternak ayam kini meningkat akibat harga makanan ternakan,

elektrik, ubat-ubatan dan vaksin yang semakin tinggi.

"Harga makanan ayam sama ada dalam bentuk dedak mentah atau palet siap proses semakin mahal.

"Jadi kami mohon agar kerajaan dapat teruskan dan tambah baik subsidi makanan ternakan atau beri insentif khusus supaya kos boleh dikawal.

"Ini penting bagi memastikan harga ayam dan telur di pasaran kekal stabil dan mampu milik," katanya ketika ditemui di ladang ternakan di Ajil, Hulu Terengganu.

Menurutnya, selain subsidi, kerajaan juga perlu memperkukuh kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar seperti jalan ladang, bekalan elektrik stabil dan sumber air bersih bagi membantu mengurangkan kos operasi penternak.

Katanya lagi, isu kelulusan merancang untuk reban turut menjadi beban besar apabila penternak terpaksa menanggung pelbagai caj termasuk fi perunding dan deposit perobohan walaupun reban se-

**MENJELANG
BELANJAWAN 2026**

dia ada telah lama digunakan.

Sementara itu, penternak kambing

kecil-kecilan, Mazlan Malik, 62, pula berkata, peningkatan harga makanan ternakan turut memberi kesan kepada penternak kampung yang menjalankan operasi secara berseendirian.

Justeru, beliau berharap kerajaan meneliti semula struktur harga makanan ternakan supaya lebih mampu milik serta menyalurkan bantuan subsidi kecil kepada penternak kampung.

"Saya usahakan sendiri menternak 22 ekor kambing sejak lima tahun lepas. Untuk makanan sahaja terutama dedak, kos perbelanjaan kira-kira RM20 sehari dan sebulan dalam RM600.

"Tetapi permintaan bukan selalu ada, sedangkan harga jualan kambing masih sekitar RM700 seekor di sini.

"Saya juga perlu mencari rumput tambahan untuk menampung harga dedak yang semakin meningkat," katanya.

Penternak lembu dari Kampung Durian Burung,



Muhammad Allif memeriksa keadaan lembu sado di kandang ternakannya di Kampung Durian Burung, Kuala Terengganu.

Muhammad Allif Ismail, 32, berkata, harga makanan tambahan lembu seperti dedak dan palet kini melonjak tinggi.

"Sekarang harga dedak lembu dan palet makanan tambahan sekitar RM60 hingga RM75 bagi setiap 50 kilogram.

"Dulu masa tahun 2020, harga paling murah RM46 saja untuk kuantiti sama," katanya yang menternak lembu sejak 2018.

Menurutnya, peningkatan kos ini menyebabkan margin keuntungan penternak semakin kecil dan boleh menjejaskan pengeluaran daging tempatan jika tidak segera ditangani.

"Kami harap Belanjawan 2026 ada peruntukan khas untuk bantu penternak kecil sama ada dalam bentuk subsidi makanan, bantuan ubah suai kandang atau geran kecil untuk tambah ternakan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/10/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	8

Sejati MADANI bantu penduduk jana pendapatan

Inisiatif kerajaan kurangkan kos sara hidup, jana ekonomi komuniti

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Kuala Lumpur: Program Sejahtera Komuniti MADANI (Sejati MADANI) yang diperkenalkan kerajaan terbukti memberi impak positif apabila berjaya membantu persatuan penduduk dan komuniti setempat menjana pendapatan, membuka peluang pekerjaan serta meringankan beban kewangan.

Inisiatif di bawah Kementerian Kewangan itu diwujudkan bagi menyokong projek berskala kecil yang meningkatkan kesejahteraan rakyat, mengurangkan kos sara hidup serta memperkukuh ekonomi komuniti.

Ketua Kampung merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pemba-

ngunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Bangi, Mohamad Zulfazli Mohd Zin menyifatkan Program Sejati MADANI adalah amat bagus kerana membantu JPKK menjana pendapatan, sekali gus dapat digunakan untuk membantu penduduk kampung yang memerlukan.

Bellau berkata, pihaknya menerima geran berjumlah kira-kira RM68,000 daripada program berkenaan yang digunakan untuk membangunkan kebun tebu, nanas dan pisang tanduk di kawasan seluas seekar.

Menurutnya, projek yang bermula sejak penghujung tahun lalu itu sudah mula menghasilkan pendapatan menerusi jualan tebu dengan anggaran sekitar RM600 hingga RM700 sebulan.

"Selain tebu, kami juga menanam kira-kira 1,000 pokok pisang tanduk yang dijangka memberikan hasil tambahan pada masa akan datang. Walaupun nanas menghadapi masalah pembesaran akibat serangan tikus, kami yakin projek ini mampu memberi pulangan berterusan," katanya.

Jelasnya, semua hasil jualan



dimasukkan ke akaun JPKK dan digunakan semula untuk menampung aktiviti pembangunan serta membantu penduduk yang memerlukan.

Bellau berharap program Sejati MADANI dapat diteruskan pada tahun-tahun mendatang kerana terbukti memberi impak nyata kepada komuniti di peringkat akar umbi, khususnya dalam memperkukuh ekonomi kampung.

Sementara itu, Pengerusi Projek Geran Sejati MADANI Kristal Villa, Muhammad Nasser Abdul Munaim, berkata persatuan penduduknya memilih projek sewaan kanopi selepas menerima geran kira-kira RM96,000 daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri.

"Projek ini dilihat praktikal kerana ia memberi pulangan berterusan kepada persatuan. Selain itu, harga sewaan ditawarkan le-



Mohamad Zulfazli



Muhammad Nasser

bih rendah berbanding pasaran, sekali gus membantu golongan berpendapatan sederhana dan rendah," katanya.

Bellau menjelaskan, proses mendapatkan bantuan bermula pada September tahun lalu selepas menerima jemputan taklimat daripada Ahli Majlis Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Ramadhan Lotphi, sebelum mengantar kertas kerja projek ke ICU.

Pada April, keputusan rasmi diterima dan dana disalurkan dalam tempoh dua minggu.

Katanya, dengan peruntukan itu, persatuan membeli lapan set kanopi baharu yang dilancarkan Julai lalu bersama Penyelaras DUN Sungai Ramal dan sejak itu, permintaan sewaan diterima secara konsisten setiap bulan dengan berjaya meraih pendapatan sebanyak RM3,748 setakat ini.

"Projek ini bukan sahaja menambah pendapatan persatuan, malah membuka peluang pekerjaan kepada penduduk yang menguruskan logistik dan penyelenggaraan kanopi.

"Pendapatan daripada sewaan ini membolehkan persatuan menampung kos aktiviti komuniti tanpa terlalu bergantung kepada dana luar. Ia juga menjimatkan perbelanjaan kerana persatuan tidak lagi perlu menyewa peralatan asas untuk penganjuran program," katanya.

Strengthening agricultural ties

Malaysia mulls Pakistan's US\$200mil beef export proposal

By TARRENCE TAN
tarrence@thestar.com.my

PUTRAJAYA: The government will consider Pakistan's proposal to export up to US\$200mil (RM843.1mil) worth of beef to Malaysia.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said the matter was raised by his Pakistani counterpart, Muhammad Shehbaz Sharif, who arrived in Malaysia on Sunday night for an official visit.

"We will facilitate this, of course, and as I have said, I assured that this will be priced competitively.

"I will certainly do what is necessary; you mentioned up to US\$200mil worth," Anwar said, glancing at Muhammad Shehbaz during a joint press conference at Perdana Putra, which is the location of the Prime Minister's Office, yesterday.

Anwar stated that the proposal was part of ongoing efforts to enhance agricultural collaboration between Malaysia and Pakistan.

He said that Muhammad Shehbaz also proposed that both countries enhance their cooperation in various fields, including Science, Technology, Engineering

and Mathematics (STEM), the Electrical and Electronics industry, Information and Communication Technology, Technical and Vocational Education and Training (TVET), as well as the semiconductor sector.

"Pakistan is among the Muslim countries that were clearly far ahead in these fields; therefore, the potential is there," he said.

Anwar said Malaysia and Pakistan have maintained friendly ties since 1957.

"We are in a period of geopolitical uncertainties.

"In the areas of defence, culture, energy, digital technologies and new technologies, there are opportunities for us to explore," he added.

Muhammad Shehbaz, who spoke after Anwar, described the bilateral discussions as productive.

"We covered a wide range of matters pertaining to bilateral relations and other international issues.

"I am very happy that our views converge on almost all important issues," he said.

He also expressed gratitude to Anwar for considering importing beef from Pakistan.

Muhammad Shehbaz assured that Pakistan would fulfil all halal



Shared vision:
Muhammad Shehbaz and Anwar shaking hands at a press conference in Putrajaya.
— Reuters

certification and market regulation requirements established by the Malaysian authorities.

"We will make all possible efforts to meet your terms and conditions.

"God willing, we will achieve not only the quota of US\$200mil, but in time, it will increase because when consumers are happy, the sky is the limit," he added.

Earlier, the two leaders witnessed the signing of several memoranda of understanding (MOUs) on cooperation in higher education, tourism, halal certification, and efforts to combat and prevent corruption.

Another MOU was signed between Pakistan's Small and

Medium Enterprises Development Authority and SME Corporation Malaysia.

An Exchange of Notes was also signed between the Institute of Diplomacy and Foreign Relations and the Foreign Service Academy of Pakistan on Cooperation in the Field of Training for Diplomats.

After the press conference, Anwar hosted a luncheon in honour of Muhammad Shehbaz at his official residence, Seri Perdana.

Both leaders also attended the Malaysia-Pakistan Business and Investment Conference at a hotel in Kuala Lumpur.

Earlier in the day, Muhammad Shehbaz was accorded an official

welcome ceremony at Dataran Perdana, where he inspected a guard of honour mounted by three officers and 103 members of the first battalion of the Royal Malay Regiment, led by Mejar Muhammad Akmal Hakim Sabarudin.

Following the ceremony, he presented Anwar with an Urdu language version of the book *SCRIPT: For a Better Malaysia*.

Muhammad Shehbaz is in Malaysia for a three-day official visit beginning on Sunday — his first trip here since taking office.

Last year, total trade between Malaysia and Pakistan reached RM8.07bil, an increase of 25.5% from the previous year.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/10/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

Malaysia pertimbang import daging halal dari Pakistan

Sebagai satu bentuk kerjasama dagangan baharu antara dua negara

Oleh **TUAN BUQHAIRAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

Malaysia akan meneliti cadangan Pakistan untuk mengeksport daging ke negara ini sebagai kerjasama dagangan baharu yang mampu memperkukuh hubungan ekonomi dua hala.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, cadangan itu antara fokus utama dalam perbincangan bersama rakan sejawatnya, Muhammad Shehbaz Sharif sempena lawatan negara Perdana Menteri Pakistan ke Malaysia selama tiga hari bermula Ahad.

"Kita akan melihat perkara ini dan seperti saya katakan, jika harganya kompetitif dan mereka menyebut nilai eksport sehingga AS\$200 juta, kita akan teruskan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar selepas menyaksikan pertukaran enam memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua negara di sini pada Isnin.

Langkah tersebut dilihat sebagai sebahagian daripada komitmen kedua-dua



Anwar (kanan) ketika sidang akhbar bersama Muhammad Shehbaz di Bangunan Perdana Putra pada Isnin.

negara untuk memperluas jaringan perdagangan dan memperkukuh daya saing serantau, selain membuka peluang kerjasama strategik dalam sektor lain yang berpotensi tinggi.

Anwar berkata, hubungan Malaysia Pakistan bukan sekadar berasaskan sejarah tetapi digerakkan oleh keyakinan terhadap potensi kerjasama baharu dalam pelbagai sektor.

Beliau dalam pada itu berkata, ruang kerjasama antara kedua-dua negara akan turut diperluas dalam sektor Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), ekonomi digital, inovasi serta industri semikonduktor yang dilihat sebagai bidang berimpak tinggi.

"Saya melihat sektor ini sebagai sempadan baharu kerjasama. Pakistan antara negara Islam yang menunjukkan potensi besar

dalam bidang berkenaan dan kini dengan kestabilan yang kita capai di Malaysia, kita akan mengambil peluang ini dengan lebih serius," ujarnya.

Sementara itu, Muhammad Shehbaz menzahirkan penghargaan terhadap keputusan Malaysia membuka ruang bagi eksport daging dari Pakistan bernilai AS\$200 juta.

"Saya juga ingin menjelaskan bahawa kuota eksport daging ke Malaysia ini akan dikawal selia berdasarkan mekanisme harga pasaran serta mematuhi semua pensijilan halal ditetapkan pihak berkuasa kastam, pihak berkuasa makanan dan pengguna Malaysia," jelasnya.

Menurutnya, Pakistan komited memenuhi syarat ditetapkan Malaysia bagi memastikan kualiti dan kepercayaan pengguna terus terpelihara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/10/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	2



Anwar mengiringi Shehbaz pada sambutan rasmi di Kompleks Perdana Putra, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Malaysia, Pakistan tumpu kestabilan

Anwar, Shehbaz perkukuh kerjasama serantau, kecam keganasan genosid berterusan di Gaza

Kuala Lumpur: Malaysia dan Pakistan menegaskan semula kepentingan kerjasama serantau dalam pengurusan bencana serta bantuan kemanusiaan, di samping menyatakan pendirian bersama terhadap isu global utama, termasuk situasi di Gaza, Islamofobia dan kestabilan serantau.

Dalam kenyataan bersama dikeluarkan pada akhir lawatan rasmi tiga hari Perdana Menteri Pakistan, Muhammad Shehbaz Sharif ke Malaysia, beliau dan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berikrar memperkukuh kerjasama dalam pengurusan bencana, bantuan kemanusiaan serta pemulihan pasca bencana.

"Kedua-dua pemimpin menekankan kepentingan kritikal kerjasama serantau dalam pengurusan bencana dan pengurangan risiko, serta komited untuk mempertingkatkan pertukaran pengetahuan dan amalan terbaik dalam bantuan kemanusiaan, tindak balas kecemasan serta pemulihan dan pembinaan semula pascabencana," menurut kenyataan itu.

Kedua-dua pemimpin turut menegaskan semula kepentingan kerjasama berterusan dalam pertubuhan antarabangsa, khususnya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Kumpulan Lapan Negara Membangun

(D-8), sambil menyatakan sokongan bersama terhadap inisiatif dan pencalonan masing-masing.

Anwar dan Shehbaz juga mengecam sekeras-kerasnya keganasan genosid berterusan di Gaza serta mengulangi sokongan tidak berbelah bahagi terhadap hak rakyat Palestin untuk menentukan nasib sendiri dan menubuhkan sebuah negara merdeka berdasarkan sempadan pra-Jun 1967 dengan Al-Quds Al-Sharif sebagai ibu negara.

"Mereka turut menyeru gencatan senjata segera, tanpa syarat dan berkekalan, penamatan sekatan terhadap Gaza serta penyaluran bantuan kemanusiaan tanpa halangan kepada semua mangsa yang terjejas," menurut kenyataan itu.

Bertindak dengan berhemah

Kenyataan itu memaklumkan kedua-dua pemimpin membincangkan ancaman yang semakin meningkat terhadap keamanan dan keselamatan serantau serta menegaskan kepentingan untuk bertindak dengan berhemah, bertanggungjawab dan menghormati kedaulatan serta keutuhan wilayah sesebuah negara.

"Mereka bersetuju sebarang pertikaian mesti diselesaikan melalui cara aman selaras undang-undang antarabangsa, Piagam PBB dan resolusi Majlis Keselamatan PBB yang berkaitan," menurut kenyataan itu.

Berhubung Afghanistan, kedua-dua pemimpin menegaskan komitmen terhadap keamanan dan kestabilan negara itu, serta menekankan kepentingan meneruskan hubungan dengan pihak berkuasa sementara Afghanistan bagi memerangi keganasan dan mengelak tanah negara itu digunakan untuk menentang mana-mana negara lain.

Anwar dan Shehbaz juga mengecam semua bentuk Islamofobia, xenofobia dan hasutan kepada keganasan dan mengesa masyarakat dunia mengambil tindakan bersepadu untuk memerangi sikap tidak bertoleransi dan diskriminasi berdasarkan agama atau kepercayaan.

Sementara itu, pada sidang media bersama, Muhammad Shehbaz menyatakan hasrat Islamabad memanfaatkan pengalaman Malaysia dalam bidang teknologi maklumat, kecerdasan buatan dan latihan vokasional, sambil berkongsi kepakaran sendiri bagi menjayakan projek yang membawa manfaat ketara.

"Oleh itu, hari ini saya ingin nyatakan secara terbuka bahawa Pakistan mahu berganding tangan dengan Malaysia, bukan sekadar memanfaatkan pengalaman anda, tetapi turut membangunkan usaha sama dan projek yang menguntungkan kedua-dua pihak," katanya.

Sementara itu, Anwar pula berkata, Malaysia akan memudahkan kemasukan eksport produk pertanian dan ternakan dari Pakistan, termasuk daging lembu dan jenis daging lain ke negara ini sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh kerjasama ekonomi dua hala.

Katanya, bagi eksport pertanian, Malaysia meningkatkan import beras dari Pakistan.

"Terdapat minat untuk mengeksport daging dan daging lembu ke Malaysia. Sudah tentu kita memudahkan perkara ini.

"Memandangkan anda (Shehbaz) memberi jaminan kepada kami bahawa harga akan kompetitif, kami sudah pasti akan melakukan apa yang perlu (untuk memudahkan eksport daging) bernilai sehingga AS\$200 juta," katanya. BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/10/2025	HARIAN METRO	LOKAL	11

Makanan segar hidup sejahtera

Pakar pemakanan seru langkah proaktif bagi mengekang pengambilan bahan ultra-proses

Petaling Jaya

Pakar kesihatan mengesakan kerajaan menumpukan kepada pelan holistik untuk memupuk amalan pemakanan sihat dalam kalangan rakyat Malaysia, dengan menegaskan langkah reaktif semata-mata tidak memadai untuk jangka panjang.

Rata-rata mereka bersejua usaha menangani obesiti melalui pendekatan lebih luas lebih berkesan mengurangkan risiko penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti penyakit jantung, tekanan darah tinggi dan angin ahmar, yang menyumbang kepada lebih tujuh peratus kematian pramatang di Malaysia.

Dua pakar pemakanan turut menyeru langkah proaktif diambil bagi mengekang pengambilan makanan ultra-proses, yang mudah diperoleh pada harga mampu milik, khususnya oleh golongan berpendapatan rendah.

Ketua Pakar Pemakanan Institut Jantung Negara (IJN) Mary Easaw berkata, meskipun cukai gula yang tinggi dapat membendung pengambilan minuman bergula, sekali gus mengawal risiko diabetes jenis 2, skop perhatian perlu diperluas kepada makanan jenis lain.

"Makanan terproses lebih murah daripada makanan sihat, justeru ia menjadi pilihan golongan berpendapatan rendah. Namun, ia juga penyumbang utama obesiti yang menjadi punca pelbagai NCD," katanya.

Pakar dietetik klinikal, Farah Farhanah Hashim pula berkata, makanan terproses yang tinggi kandungan sodium amat mudah diakses di kawasan perumahan berpendapatan rendah.

Menurutnya, selain mengurangkan pengambilan, penting memberi subsidi bagi harga bagi makanan segar sambil memperketat kawal selia terhadap pembuatan dan penjualan makanan terproses.

"Selain percukaian, inisiatif ini perlu bermula di peringkat sekolah dengan menyediakan pilihan makanan lebih berkhasiat,



MENGEKALKAN harga murah sayur-sayuran dan buah-buahan melalui subsidi juga mendorong tabiat pemakanan lebih sihat.



"Fokus utama perlu mendidik pengguna untuk membuat pilihan bijak, sederhana dan mampan. Ini merangkumi pelabelan jelas, literasi pemakanan mudah diakses dan persekitaran kondusif yang menjadikan pilihan lebih sihat lebih jelas, mampu milik dan menarik"

Saravanan

mencontohi sistem sekolah awam di Jepun.

"Langkah mengekalkan harga murah sayur-sayuran dan buah-buahan melalui subsidi juga akan mendorong tabiat pemakanan lebih sihat," katanya sambil menambah pengambilan makanan terproses juga mungkin berpunca daripada tahap literasi pemakanan rendah.

Malaysia mencatatkan kadar obesiti dewasa dan kanak-kanak tertinggi di rantau Asia Tenggara. Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 mendedahkan bahawa 21.3 peratus orang dewasa di Malaysia mengalami obesiti, meningkat daripada 19.7 peratus pada 2019.

Easaw berkata, pendekatan percukaian yang hanya menyasarkan satu nutrien tidak akan memadai untuk menangani wabak NCD, merujuk cukai gula yang tinggi di Malaysia sebagai contoh.

Menurutnya, isi rumah berpendapatan rendah sangat peka terhadap harga dan cenderung memilih makanan ultra-proses disebabkan keterbatasan akses kepada pilihan lebih sihat.

Sebagai contoh, corak pemakanan tipikal rakyat Malaysia sering tertumpu pada makanan segera dan mudah yang tinggi kalori tetapi rendah nilai nutrisi, dengan tumpuan utama pada garam, gula dan lemak.

Sajian lazim seperti segelas teh tarik (150 kkal) dan sekeping roti canai (400 kkal) mungkin tampak tidak memudaratkan, namun gandingannya menyumbang kira-kira 550 kkal dengan manfaat nutrisi yang terhad.

Sekeping roti canai sahaja, suatu hidangan terproses yang mudah didapati mengandungi kira-kira 13g lemak dan hanya 1.8g gula serta menawarkan kandungan serat atau protein yang rendah untuk membekalkan tenaga atau rasa kenyang.

Walaupun murah, lazat dan signifikan dari sudut budaya, hidangan seumpama ini padat tenaga tetapi rendah nutrisi, sekali gus menyumbang kepada amalan pemakanan buruk apabila kerap diamalkan.

Kesedaran nutrisi yang lebih baik serta sedikit pelarasan diet seperti mengurangkan gula, memilih lauk-pauk tinggi protein,

atau mengehadkan keke-
rapan pengambilan, dapat membantu menyeimbangkan keenakan makanan popular ini dengan kesihatan jangka panjang.



"Makanan terproses lebih murah daripada makanan sihat, justeru ia menjadi pilihan golongan berpendapatan rendah. Namun, ia juga penyumbang utama obesiti yang menjadi punca pelbagai NCD"

Easaw

Bersederhana, bukan terus sekat

Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), T Saravanan berkata, perubahan hakiki menuntut kajian mendalam yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, dengan campur tangan berasaskan insentif.

"FOMCA tidak menyokong naratif yang menuding jari kepada gula semata-mata," katanya merujuk kepada cukai gula.

Menurutnya, bahan seperti gula boleh menjadi sebahagian pemakanan sihat jika diambil secara sederhana.

"Fokus utama perlu mendidik pengguna untuk membuat pilihan bijak, sederhana dan mampan. Ini merangkumi pelabelan jelas, literasi pemakanan mudah diakses dan persekitaran kondusif yang menjadikan pilihan lebih sihat lebih jelas, mampu milik dan menarik," katanya.

Saravanan menambah bahawa Malaysia boleh mencontohi negara lain yang menggabungkan penghalang fiskal dengan insentif gaya hidup bagi menggalakkan amalan hidup lebih sihat.